

Libatkan sebahagian permohonan susulan terdapat permintaan dan keperluan segera

Oleh NORAFIZA JAAFAR
KUALA LUMPUR

Kerajaan lulus pengambilan pekerja asing tiga sektor

Kerajaan meluluskan pengambilan pekerja asing melalui kedai gunting sektor iaitu kedai gunting rambut, gedung tekstil dan kedai emas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kebenaran itu bagaimanapun hanya melibatkan sebahagian permohonan yang akan diterima untuk diluluskan.

Menurutnya, kelulusan itu susulan terdapat permintaan dan keperluan bagi memenuhi sektor tersebut.

"Disebatkan ada keperluan segera untuk tiga kategori ini maka kita lulus tapi tidak sepenuhnya.

"Saya minta semasa mesyuarat jemaah menteri pada Jumaat ini untuk menteri bawa kertas kerja supaya kita lulus se-

bahagian permohonan untuk tiga kategori ini," katanya pada pelancaran Program Lestari Niaga @Kuala Lumpur Di Medan Selera Madani Kompleks Tun Sambathan, di sini pada Isnin.

Hadir sama, Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar; Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri M Saravanan dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamaruzaman Mat Salleh.

Anwar menjelaskan, kelulusan an separuh bagi pengambilan pekerja asing itu kerana mahu memberi peluang kepada rakyat tempatan menceburi bidang tersebut.

Ujarnya, rakyat tempatan perlu diberi latihan melalui Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) selain Kementerian Sumber Manusia perlu menyediakan latihan dan insentif untuk pastikan anak tempatan memenuhi keperluan

sektor berkenaan.

Pada program sama, Anwar turut menegaskan tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap rakyat tempatan yang



FOTO: BERHAMA

Anwar menyempurnakan pelancaran Program Lestari Niaga @ Kuala Lumpur Di Medan Selera Madani di Kompleks Tun Sambathan, Kuala Lumpur pada Isnin.

dikesan menyalah guna lesen perniagaan dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). "Lesen orang tempatan harusnya untuk orang tempatan. Jika

dapat dikesan lesen orang tempatan disewakan ke orang asing, kita akan batalkan lesen itu dan serahkan kepada orang lain," ujarnya.

TARIKH: 5/9/23

SURAT KHABAR: Sinar Harian

MUKA SURAT: 12